


Bab 1 PENGENALAN KEPADA EKONOMI

1.

- a) Gambar di bawah menunjukkan perbualan antara Puan Dina dan anaknya Maria



i. Sekiranya anda adalah Puan Dina, apakah masalah ekonomi yang Puan Dina sedang hadapi. (5 markah)

- a. Pn Dina mengalami masalah kekurangan pendapatan
- b. Pilihan beliau ialah membeli televisyen
- c. Pilihan itu ialah barang yang memaksimumkan kepuasan
- d. Kos lepas ialah barang kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan
- e. Jika Pn Dina memilih membeli tv maka kos lepasnya membeli laptop

ii. Apakah perkara yang patut Pn Dina pertimbangkan sebelum membuat keputusan? (4 markah)

- a. Barang yang memberi kepuasan yang maksimum
- b. Tertakluk kepada kemampuan seseorang
- c. Membawa manfaat kepada pembeli
- d. Tidak menjejaskan kebajikan orang lain

a) Maklumat berikut mengenai dua orang individu.

Encik Alang bekerja sebagai seorang pensyarah di sebuah Institusi Pengajian Tinggi manakala Puan Alimah merupakan pemilik Pusat Salon.

i) Nyatakan dua faktor pengeluaran dalam situasi di atas. (2 markah)

usahawan dan buruh

ii) Bandingkan kedua-dua faktor pengeluaran tersebut (5 markah)

A. Persamaan - memberi sumbangan dalam proses pengeluaran

B. Perbezaan - buruh menyumbangkan tenaga mental dan fizikal dalam proses pengeluaran manakala usahawan - mengabungkan faktor-faktor pengeluaran dalam

proses pengeluaran. Usahawan menanggung risiko tetapi buruh tidak menanggung risiko.

b) Maklumat yang berikut berkaitan dengan Negara X dan Negara Z

Negara X	Negara Z
Kerajaan tidak campur tangan dalam kegiatan ekonomi	Kerajaan berkuasa penuh dalam kegiatan ekonomi

Jelaskan perbezaan ciri antara kedua-dua negara tersebut. (4 markah)

- A. Negara Z – pembuat keputusan adalah kerajaan manakala Negara X pembuat keputusan adalah individu dan firma
- B. Negara Z- motif adalah untuk memaksimumkan kebajikan manakala Negara X, motifnya adalah memaksimumkan kepuasan bagi individu manakala firma memaksimumkan keuntungan.

2. a) Jadual di bawah menunjukkan pelbagai kombinasi output maksimum bagi barang perkilangan dan barang pertanian yang dapat dikeluarkan oleh sebuah ekonomi pada tingkat teknologi yang tertentu.

Kombinasi	Barang perkilangan(unit)	Barang pertanian(unit)
A	37	0
B	34	10
C	30	17
D	28	20
E	20	29
F	10	36
G	0	40

i. Dengan menggunakan kertas graf, lukiskan keluk kemungkinan pengeluaran barang perkilangan dan pertanian. (4 markah)

ii. Hitungkan kos lepas sekiranya Negara tersebut menukar kombinasi pengeluaran dari:

a) titik A ke titik C (2 markah)

$$\frac{30-37}{17-0} = -0.41$$


b) titik G ke D (2 markah)

$$\frac{40 - 20}{0 - 28} = - 0.71$$

iii. Sekiranya negara tersebut ingin mencapai pengeluaran sebanyak 30 unit barang X dan 25 unit barang Y, apakah cadangan anda kepada negara tersebut? (3 markah)

- A menambahkan factor pengeluaran
- B meningkatkan tahap teknologi
- C meningkatkan produktiviti buruh

b. Perbualan berikut menunjukkan mesyuarat pengurusan atasan Syarikat Luna Sdn Bhd



i. Kenalpasti sistem ekonomi Negara Z dan Negara K. (2 markah)

Negara Z = pasaran bebas/kapitalis Negara K = campuran

ii. Bezakan cara penyelesaian masalah apa, berapa dan bagaimana hendak dikeluarkan oleh Negara Z dan Negara K. (6 markah)

A .Apa yang hendak dikeluarkan – jenis barang dikeluarkan mengikut kuasa pasaran bagi Negara Z manakala bagi Negara K barang swasta dikeluarkan mengikut kuasa pasaran dan barang awam dikeluarkan oleh kerajaan.

B. Berapa yang hendak dikeluarkan – kuantiti barang dikeluarkan mengikut kuasa pasaran bagi Negara Z manakala bagi Negara K, barang swasta ditentukan oleh kuasa pasaran dan barang awam ditentukan oleh kerajaan

C. Bagaimana hendak dikeluarkan- teknik pengeluaran cekap yang memaksimumkan keuntungan bagi Negara Z manakala bagi negara K, barang swasta- teknik pengeluaran memaksimumkan keuntungan dan barang awam- teknik pengeluaran cekap yang memaksimumkan kebajikan.

iv. Jelaskan kelebihan sistem ekonomi Negara Z (4 markah)

- A. Kepuasan individu dan masyarakat dapat dimaksimumkan
- B. Kebebasan yang luas dalam melakukan kegiatan ekonomi
- C. Kecekapan dalam penggunaan sumber
- D. Menggalakkan perkembangan teknologi dan inovasi

v. Adakah kebaikan kerajaan K campurtangan dalam ekonomi di Negara tersebut.

(5 markah)

- A. Kerajaan dapat membekalkan barang awam seperti sekolah.
- B. Jurang pendapatan dapat dirapatkan melalui pemberian subsidi
- C. Kerajaan dapat memantau untuk mengurangkan kesan eksternaliti
- D. Kerajaan mengawal barang-barang tertentu contoh barang kawalan
- E. Kerajaan dapat menstabilkan ekonomi melalui dasar Negara .

3. a) Maklumat berikut mengenai aktiviti pengeluaran di Pekan , Pahang.

Bandar Diraja Pekan telah dibangunkan sebagai hub automobil negara. Bandar ini menempatkan beberapa syarikat pengeluaran kereta multinasional yang menggunakan kaedah intensif modal sepenuh.

i. Mengapakah sesetengah industry menggunakan kaedah intensif modal manakala sesetengah industry pula menggunakan kaedah intensif buruh? (5 markah)

A. Jenis produk – bagi pengeluaran dalam kapasiti besar perlu intensif modal dan bagi pengeluaran sedikit memerlukan intensif buruh

B. Kos pengeluaran- bagi pengeluaran besar teknik pengeluaran cekap memerlukan intensif modal tetapi pengeluaran sedikit memerlukan teknik pengeluaran intensif buruh

b) Jadual berikut mengenai keluaran Syarikat Wira dengan pelbagai teknik pengeluaran.

Teknik pengeluaran	Meja komputer(unit)	Kabinet TV (unit)
K	6 500	9 600
P	7 400	7 800

i. Andaikan Syarikat Wira menukar teknik pengeluaran daripada K kepada P.

a. Hitungkan kos lepas. (2 markah)

7800-9600

6500 -7400 = -2

b. Terangkan sebab kos lepas wujud berdasarkan maklumat diberi. (5 markah)

A . Sebab pilihan – syarikat terpaksa membuat pilihan kerana masalah kekurangan sumber ekonomi dan tidak boleh mengeluarkan barang mengikut kehendaknya.

B.Syarikat terpaksa membuat pilihan berdasarkan titik pengeluaran yang menghasilkan keuntungan yang maksimum

C. Syarikat terpaksa melepaskan teknik pengeluaran kedua terbaik

BAHAGIAN ESEI.

1. Jadual di bawah menunjukkan anggaran perbelanjaan kerajaan pada tahun 2014.

Projek pembinaan rumah kebajikan di Baling	Projek Empangan Pedu II, Kedah
RM4.3 juta	RM10.6 juta

a) Kerajaan hanya memperuntukan perbelanjaan sebanyak RM5 juta. Jelaskan masalah ekonomi yang dihadapi oleh kerajaan dan cara mengatasinya. (8 markah)

Skema (1-3M)

A. Maksud masalah ekonomi- masalah untuk mengurus sumber ekonomi terhad bagi memenuhi kehendak manusia yang tidak terhad.

B. Ada 3 masalah ekonomi iaitu kekurangan, pilihan dan kos lepas

Skema (4-6M)

A. Maksud masalah ekonomi- masalah untuk mengurus sumber ekonomi terhad bagi memenuhi kehendak manusia yang tidak terhad.

B. Ada 3 masalah ekonomi iaitu kekurangan, pilihan dan kos lepas

C.i.Masalah kekurangan- kerajaan hanya ada RM5 juta, oleh itu kerajaan masih kekurangan peruntukan kewangan.

ii. Kerajaan terpaksa membuat pilihan antara membina projek rumah kebajikan di Baling atau Projek Empangan Pedu II di Kedah.

iii. Pilihan kerajaan ialah projek pembangunan yang memaksimumkan kebajikan masyarakat.

iv. Pilihan kerajaan ialah projek rumah kebajikan di Baling

v. kos lepas nya ialah membina Projek Empangan Pedu II di Kedah

Skema (7-8 M) Maksud

A. Maksud masalah ekonomi- masalah untuk mengurus sumber ekonomi terhad bagi memenuhi kehendak manusia yang tidak terhad.

B. Ada 3 masalah ekonomi iaitu kekurangan, pilihan dan kos lepas

C.i.Masalah kekurangan- kerajaan hanya ada RM5 juta, oleh itu kerajaan masih kekurangan peruntukan kewangan.

ii. Kerajaan terpaksa membuat pilihan antara membina projek rumah kebajikan di Baling atau Projek Empangan Pedu II di Kedah.

iii. Pilihan kerajaan ialah projek pembangunan yang memaksimumkan kebajikan masyarakat.

iv. Pilihan kerajaan ialah projek rumah kebajikan di Baling

v. kos lepasnya ialah membina Projek Empangan Pedu II di Kedah

b) Adakah anda bersetuju dengan tindakan kerajaan bercampur tangan dalam ekonomi?

Berikan alasan anda.
(markah)

(12)

Skema (1 -3 markah)

A. Setuju

B. Campurtangan kerajaan- bermaksud kerajaan mengawal pengeluaran barang-barang tertentu supaya dapat mengurangkan eksploitasi pada pengguna dan mengurangkan kesan eksternaliti

Skema (4- 9 markah)

A. Setuju

B. Campurtangan kerajaan- bermaksud kerajaan mengawal pengeluaran barang-barang tertentu supaya dapat mengurangkan eksploitasi pada pengguna dan mengurangkan kesan eksternaliti

C. Sebab-sebab

i. Pihak swasta lebih bermotifkan memaksimumkan keuntungan

ii. Akan berlaku penyalahgunaan sumber

iii. Penggunaan sumber ekonomi kurang cekap

D. Kebaikan

i. Campurtangan menyebabkan kebajikan pengguna dijaga

ii. Aktiviti pengeluaran dapat dijalankan mengikut kaedah yang betul

iii. Jurang perbezaan pendapatan dapat dikurangkan

iv. Keperluan rakyat berpendapatan rendah dapat dibela

Skema (10-12)

A Setuju

B Campurtangan kerajaan- bermaksud kerajaan mengawal pengeluaran barang tertentu supaya dapat mengurangkan eksploitasi pada pengguna

dan mengurangkan kesan eksternaliti.

C. Sebab-sebab

- i. Pihak swasta lebih bermotifkan memaksimumkan keuntungan
- ii. Akan berlaku penyalahgunaan sumber
- iii. Penggunaan sumber ekonomi kurang cekap

D. Kebaikan

- i. Campurtangan menyebabkan kebajikan pengguna dijaga
- ii. Aktiviti pengeluaran dapat dijalankan mengikut kaedah yang betul
- iii. Jurang perbezaan pendapatan dapat dikurangkan
- iv. Keperluan rakyat berpendapatan rendah dapat dibela

2. Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan berikut.

Leko King jenama kian popular

Bagi pengusaha Leko King, Mohd Hakim Abu Bakar, idea untuk membuka perniagaan berasaskan keropok leko ini teretus daripada keinginannya untuk bergelar usahawan. Leko King yang terkenal di Pantai Klebang, Melaka turut melakar sejarah kejayaan tersendiri apabila mendapat sambutan untuk difrancaiskan.

Dipetik dan disesuaikan dari sinar harian, 18

Februari 2016

a) Setujukah anda Mohd Hakim ingin berusaha menjadi seorang usahawan. Beri pendapat

Anda.

(10 markah)

Skema (1-3M)

A. Setuju

B. Maksud usahawan – individu yang menggabungkan faktor-faktor pengeluaran dalam proses pengeluaran.

C. Contoh: usahawan KFC

Skema (4-6M)

A. Setuju

B. Maksud usahawan – individu yang menggabungkan faktor-faktor pengeluaran dalam proses pengeluaran.

C. Contoh: usahawan KFC

D. i. Bebas membuat keputusan

ii. pendapatan lebih tinggi

iii. memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat

iv. mewujudkan peluang pekerjaan

Skema (7-10M)

A. Setuju

- B. Maksud usahawan – individu yang menggabungkan factor-faktor pengeluaran dalam proses pengeluaran
- C. Contoh: usahawan KFC
- D. i. Bebas membuat keputusan
 - ii. pendapatan lebih tinggi
 - iii. memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat
 - iv. mewujudkan peluang pekerja
- E. Keburukan – menanggung risiko yang tinggi, memerlukan modal yang tinggi

3. Baca petikan di bawah dan jawab soalan berikut.

PRIMA rumah untuk golongan pertengahan

SHAH ALAM- Projek perumahan yang diperkenalkan oleh Perbadanan PRIMA Malaysia di seluruh Negara menyebabkan golongan pertengahan berpeluang memiliki rumah yang selesa di kawasan Bandar. Ketua Pegawai Eksekutif PRIMA, Datuk Abdul Mutalib Alias berkata, 20 peratus lebih murah daripada harga pasaran. Menurutnya, ini merupakan komitmen kerajaan untuk menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat.

Dipetik dan disesuaikan

daripada: www.sinarharian.com.my

- a. Wajarkah kerajaan campur tangan dengan menyediakan rumah mampu milik? Beri alasan anda. (10 markah)

Skema (1-3 M)

A Wajar

B Maksud rumah mampu milik – rumah yang disifatkan sebagai mampu dibeli oleh golongan atau isirumah yang berpendapatan sederhana.

C contoh : harga insentif kerajaan RM30,000, bayaran bulanan serendah RM650.00.

Skema (4-6 M)

A Wajar

B Maksud rumah mampu milik – rumah yang disifatkan sebagai mampu dibeli oleh golongan atau isirumah yang berpendapatan sederhana.

C contoh : harga insentif kerajaan RM30, 000, bayaran bulanan serendah RM650.00

D.Kebaikan

- i.Harga rumah semakin meningkat
- ii. permintaan rumah tinggi
- iii.kekurangan rumah mampu milik
- iv.kekurangan tanah di Bandar
- v.bakal pembeli sukar mendapat pinjaman
- vi. harga rumah dapat dikawal

Skema (7-10 M)

A Wajar

B Maksud rumah mampu milik – rumah yang disifatkan sebagai mampu dibeli oleh golongan atau isirumah yang berpendapatan sederhana.

C contoh : harga insentif kerajaan RM30,000, bayaran bulanan serendah RM650.00

D.Kebaikan

- i.Harga rumah semakin meningkat
- ii. permintaan rumah tinggi
- iii.kekurangan rumah mampu milik
- iv.kekurangan tanah di Bandar
- v.bakal pembeli sukar mendapat pinjaman
- vi. harga rumah dapat dikawal

E.Keburukan- jika pengguna tidak membayar wang bulanan, rumah akan ditarik balik